JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 43/2020

**RUJUKAN : 4 MEI 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Setelah 48 hari menempuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kebanyakan kegiatan ekonomi dalam negara mula bergerak semula setelah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa hari ini walaupun terdapat sebilangan kerajaan negeri masih meneliti kesesuaian penguatkuasaan ini. Cabaran utama adalah untuk memulakan semula perniagaan dalam persekitaran ekonomi yang sangat mencabar di samping perlu mematuhi prosedur kesihatan yang ketat. Rakyat mula kembali bekerja dengan norma kehidupan yang baharu. Pelaksanaan PKPB menjadi pemangkin kepada proses memulihkan semula ekonomi negara serta mengimbangi kesan jumlah pengangguran setelah jangkitan COVID-19 mempengaruhi ekosistem pengeluaran syarikat dan produktiviti buruh di Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 4 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 4,484** atau 70.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,764 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **55 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,353 kes.** Daripada jumlah ini, 7 kes adalah melibatkan kes import, dan selebihnya adalah melibatkan kes tempatan, dengan 24 kes positif baharu adalah dari lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). **Pertambahan kes positif baharu** hanya membabitkan empat negeri iaitu di **W.P. Kuala Lumpur sebanyak 25 kes**, diikuti Selangor (21 kes), Negeri Sembilan (6 kes) dan Melaka (3 kes). Tiada kes kematian baharu dilaporkan sejak 24 jam yang lalu, sehingga kini **105 kes kematian** kekal seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes mengikut daerah menunjukkan **kumulatif kes aktif mengikut zon merah** berkurang kepada **9 daerah** apabila Petaling mencatatkan penurunan kepada 39 kes aktif. Sehingga 3 Mei 2020, antara **daerah atau kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Lembah Pantai dengan 221 kes** dan **Kuching sebanyak 131 kes.** Kebanyakan zon merah dilihat lebih berpusat di negeri-negeri zon tengah dan zon selatan yang mana melibatkan kluster-kluster utama jangkitan COVID-19. Sementara itu, **86 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif** dengan hampir separuh daripadanya adalah di negeri **Kedah, Kelantan, Perlis, Perak dan W.P Labuan** yang telah mencatatkan **sifar kes aktif** sekurang-kurangnya **sejak 29 April** yang lepas.

Di seluruh dunia, sebanyak **3,508,621 individu** telah dijangkiti **wabak COVID-19** dengan melibatkan **247,531 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,158,041 kes** dan Brazil merupakan negara ke

sembilan yang mempunyai catatan kes jangkitan melebihi 100 ribu kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** 18,778 kes jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (11,192 kes), Filipina (9,223 kes) termasuk Malaysia (6,353 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat dengan menyumbang sebanyak 27.3 peratus,** diikuti Itali yang mencatatkan 11.7 peratus dan United Kingdom (11.5 peratus). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.05 peratus manakala kes sembuh hampir menjangkau 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,128,252 kes (32.2 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **CHINA**: **Jumlah perdagangan perkhidmatan menjunam -10.8 peratus pada suku pertama 2020**. Jumlah perdagangan perkhidmatan suku pertama 2020 China turun 10.8 peratus dari tahun sebelumnya kepada CNY1.15 trilion (AS$162.82 bilion). Eksport perkhidmatan dalam tempoh Januari hingga Mac menurun 4.1 peratus kepada CNY444.28 bilion sementara import turun 14.5 peratus kepada CNY708.02 bilion itu. Penyusutan defisit perdagangan yang bermula pada tahun lalu berterusan. Perkhidmatan berintensifkan pengetahuan (*knowledge-intensive*) merangkumi lebih daripada 40 peratus daripada keseluruhan perdagangan perkhidmatan. (Bloomberg)
>
> **EU**: **KDNK zon Eropah berpotensi berada di bawah paras KDNK 2019 pada 2020 hingga 2022**. ECB mengatakan bahawa ketidakpastian yang tinggi mengenai kesan ekonomi dari pandemik COVID-19 memerlukan analisis berdasarkan senario alternatif. **Berdasarkan analisis ECB, ekonomi berpotensi menyusut sebanyak -12 peratus** dalam senario yang teruk. Simulasi angka tahunan di dalam senario ini adalah dengan unjuran penyusutan KDNK suku tahunan kedua 2020 pada kadar -15 peratus, diikuti oleh pemulihan dengan pertumbuhan pada kadar 6 peratus pada suku ketiga 2020 dan 3 peratus pada suku keempat 2020. (RTT)
>
> **HK**: **Kemelesetan ekonomi Hong Kong semakin mendalam pada suku pertama 2020**. Kemelesetan yang semakin mendalam ini diakibatkan oleh penularan wabak COVID-19 yang memberi tamparan yang hebat kepada aktiviti perniagaan setelah ekonomi Hong Kong merosot berikutan tunjuk perasaan antikerajaan yang berlaku pada tahun lepas. **Ekonomi menyusut sebanyak -5.3 peratus pada asas perbandingan suku tahun ke suku tahun pada Januari-Mac 2020. Pada asas tahunan, ekonomi menguncup -8.9 peratus, berbanding penguncupan -3.0 peratus pada suku keempat 2019**. Ini adalah **penurunan terbesar** dalam rekod **sejak tempoh rujukan pada suku pertama tahun 1974**. Penurunan KDNK disebabkan oleh prestasi lemah yang berterusan dalam permintaan domestik dan luaran. Perbelanjaan penggunaan swasta menurun sebanyak -10.2 peratus secara nyata pada

suku pertama 2020 dari tahun sebelumnya, merosot dari penurunan -2.9 peratus pada suku keempat 2019. Perbelanjaan penggunaan kerajaan meningkat 8.3 peratus pada suku pertama 2020 setelah meningkat 6.1 peratus pada suku keempat 2019. Pembentukan modal tetap kasar menurun -13.9 peratus pada suku pertama 2020 dari tahun sebelumnya, berbanding dengan penurunan-16.8 peratus pada suku keempat 2019. Dalam tempoh yang sama, jumlah eksport barang mencatatkan penurunan sebanyak -9.7 peratus berbanding dengan penurunan -2.5 peratus pada suku keempat 2019. Import barang yang diukur dalam istilah akaun nasional turun sebanyak -10.9 peratus manakala eksport perkhidmatan turun mendadak sebanyak -37.8 peratus pada suku pertama 2020 dari tahun sebelumnya. Import perkhidmatan menurun -25.4 peratus pada suku pertama pada tahun 2020, berbanding dengan penurunan -5.2 peratus pada suku keempat 2019. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Harga minyak menurun** hari ini selepas kenaikan kukuh minggu lalu. Penanda aras Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) jatuh kira-kira **lapan peratus** untuk diniagakan pada AS$18.19 satu tong. Sementara itu, penanda aras minyak mentah antarabangsa, **Brent susut tiga peratus** untuk diniagakan pada AS$25.56 satu tong.

2) **Nilai eksport Malaysia pada suku pertama 2020 meningkat 1.1 peratus** kepada RM238.7 bilion berbanding suku sama tahun lalu, menjadikannya **jumlah eksport tertinggi negara bagi suku pertama.** Perdagangan Malaysia pada suku pertama 2020 meningkat sebanyak 1.2 peratus kepada RM440.4 bilion berbanding suku pertama 2019.

3) **Bursa Malaysia dibuka rendah** pada pagi ini dengan indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) **menurun 29.35 mata** atau 2.09 peratus kepada 1,378.43 daripada paras penutup 1,407.78 pada Jumaat.

4) **Jualan saham tempatan di Bursa Malaysia** oleh pelabur asing minggu lalu **menurun kepada RM87.9 juta** berbanding RM1.13 bilion pada minggu sebelumnya. Malaysia kekal menjadi negara dengan aliran keluar dana asing **ketiga terkecil** berbanding dengan enam negara lain yang dalam pemantauan MIDF.

5) Menurut tinjauan terbaru oleh penyelidik pasaran global Ipsos Group SA, pandemik **COVID-19 dan pengangguran** adalah topik yang teratas dalam senarai masalah **paling membimbangkan** di Malaysia. Bank Negara Malaysia (BNM) meramalkan **kadar pengangguran** negara akan meningkat **kepada 4% atau 629,000 individu** tahun ini, berbanding 3.3% pada tahun 2019.

6) IHS Markit Malaysia menyatakan **Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Malaysia** mencatatkan **penurunan ketara kepada 31.3** pada April 2020 berbanding 48.4 pada bulan Mac 2020. Penurunan prestasi ini merupakan **penurunan paling ketara** sejak pengumpulan data bermula pada tahun 2012.

7) Sekiranya PKP diteruskan untuk sebulan lagi, Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) akan mencatatkan **kerugian RM35 bilion** dan menjadikan **jumlah keseluruhan kerugian RM98 bilion**. Pembukaan semula sektor ekonomi bertujuan untuk **merangsang semula sektor ekonomi negara** bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemampanan ekonomi.

8) Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia menggalakkan syarikat di negara ini **mengambil perlindungan insurans bagi meringankan kos perubatan pekerjanya**.

9) **Kedai pajak gadai** telah menjadi tumpuan utama orang ramai yang **memerlukan sokongan kewangan segera** pada hari pertama PKPB dilaksanakan.

10) **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan** menyasarkan terdapat kemungkinan perubahan permintaan akan berlaku, tetapi dalam kuantiti kecil berbanding sebelum ini. Kebergantungan rakyat kepada **keperluan bekalan makanan import akan dinilai sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)**.

11) **Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Mohammad Hamdan memaklumkan lapan (8) jenis bahan kimia digunakan dalam operasi sanitasi awam dan disinfeksi** dalam kawasan penularan wabak COVID-19, antaranya termasuk *Etanol, Natrium Hipoklorit* dan *Benzalkonium Klorida.*

12) **Kerajaan akan mengkaji semula dasar tenaga buruh asing** yang ketika ini berjumlah kira-kira **2.3 juta orang** di Malaysia, susulan pelbagai kesukaran dialami oleh buruh asing semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

13) Sekurang-kurangnya **50% hotel di seluruh negara mempertimbangkan untuk penutupan secara kekal atau sementara yang akan mengakibatkan ribuan pekerja** di sektor berkenaan akan kehilangan pekerjaan.

14) Seramai 1,507 pelajar telah dihantar pulang pada Jumaat lalu (1 Mei), manakala 4,666 orang pada Sabtu (2 Mei) dan 3 Mei 2020 (4,965). **Proses penghantaran pulang berterusan dan dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan institusi pengajian tinggi**.

15) **Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Negeri Sabah (G3PNS)** melancarkan ***E-Market & Bazaar*** di Facebook **untuk membantu usahawan mikro** berniaga dari rumah dan petani memasarkan barangan secara atas talian.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve** | **COVID-19, unemployment main concerns among Malaysians**<br><br>The COVID-19 pandemic and unemployment are top of the list of the most worrying issues in Malaysia, according to a recent survey by global market researcher Ipsos Group SA.<br><br>Of the total 500 Malaysian adults aged between 16 and 74 polled per month, 85% stated that COVID-19 is a worrying topic in April, while 43% are concerned about unemployment.<br><br>On the global front, Malaysians are ranked as the seventh most worried citizens regarding unemployment, out of 28 participating countries in the survey.<br><br>Bank Negara Malaysia forecasts the country's unemployment rate to increase to 4% or 629,000 individuals this year, from 3.3% in 2019. | https://themalaysianreserve.com/2020/05/04/covid-19-unemployment-main-concerns-among-malaysians/ |
| 2. | **Malay Mail** | **Market analysts observe sharp decline in local manufacturing sector due to COVID-19 restrictions**<br><br>A report by IHS gauging the Purchasing Managers' Index (PMI), a value indicating an index of the direction of economic trends revealed how the manufacturing sector scored 31.3 in April as opposed to 48.4 in | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/04/market-analysts-observe-sharp-decline-in-local-manufacturing-sector-due-to/1862792 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | March this year, the sharpest performance decline since data collection began in 2012.<br><br>IHS asserted that several goods producers were even forced to completely suspend output, in part caused by insufficient manpower and the lack of new projects and purchase orders, causing an unprecedented rate of decline in the supply chain. | |
| 3. | **Berita Harian** | **PKPB mampu tingkatkan ekonomi, bina keyakinan pengguna**<br><br>Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula hari ini akan membantu meningkatkan ekonomi dan membina semula keyakinan pengguna, kata Kenanga Investment Bank Bhd.<br><br>"Dengan aliran pendapatan masa depan yang lebih stabil, pengguna akan dapat berbelanja, justeru itu menyokong pertumbuhan penggunaan swasta," kata bank pelaburan itu dalam satu nota penyelidikan.<br><br>Bank pelaburan itu berkata, kadar pengangguran dijangka masih melebihi 4.0 peratus tetapi terkawal di bawah 5.0 peratus tahun ini memandangkan pakej rangsangan fiskal dan kelonggaran monetari bagi membantu menangani impak COVID-19. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/685001/pkpb-mampu-tingkatkan-ekonomi-bina-keyakinan-pengguna |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Edge Markets** | **RHB commits RM3.5m to ease burden of those impacted by COVID-19**<br><br>This includes a RM1 million cash contribution it has made to the Ministry of Health's COVID-19 Fund to help ensure continuous supply of personal protective equipment or PPE, the group said in a statement today.<br><br>It has also channelled RM1 million to Mercy Malaysia to fight against the spread of the coronavirus, and set aside another RM1 million for other relief initiatives that the group is carrying out to help in the fight against the pandemic, with increasing focus on humanitarian relief efforts to support B40 families and other vulnerable members of the community. | https://www.theedgemarkets.com/article/rhb-commits-rm35m-ease-burden-those-impacted-covid19 |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 - Menurut tinjauan terbaru oleh penyelidik pasaran global Ipsos Group SA, pandemik COVID-19 dan pengangguran adalah topik yang teratas dalam senarai masalah paling membimbangkan di Malaysia. Bank Negara Malaysia (BNM) meramalkan kadar pengangguran negara akan meningkat kepada 4% atau 629,000 individu tahun ini, berbanding 3.3% pada tahun 2019.
2. Artikel 2 – IHS Markit Malaysia menyatakan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Malaysia mencatatkan penurunan ketara ke 31.3 pada April 2020 berbanding 48.4 pada bulan Mac 2020. Penurunan prestasi ini merupakan penurunan paling ketara sejak pengumpulan data bermula pada tahun 2012.

Maklumbalas Bahagian:

1. Unjuran peningkatan kadar pengangguran akibat kesan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberi impak kepada ekonomi negara terutamanya bagi komponen pampasan pekerja. Pada tahun 2018, sumbangan pampasan pekerja kepada KDNK Malaysia berkembang kepada 35.7 peratus dengan pertumbuhan 6.0

peratus. Nilai pampasan pekerja pada tahun tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak RM29.3 bilion kepada RM515.9 bilion (2017: RM 486.5 bilion).

2. Sektor pembuatan mengalami tekanan berat dari segi pengeluaran dan pengoperasian jauh dibawah kapasiti penuh semasa tempoh PKP dilaksanakan. Tekanan ini dijangka memberi impak negatif kepada prestasi sektor pembuatan dan secara keseluruhan kepada prestasi ekonomi negara. Pada ST4 2019, sektor Pembuatan merekodkan sumbangan sebanyak 22.1 peratus kepada KDNK berbanding 22.2 peratus pada suku tahun sebelumnya dengan pertumbuhan 2.3 peratus (ST3 2019: 1.2%). Secara keseluruhan bagi tahun 2019, sektor Pembuatan bertumbuh 3.8 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun 2018.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian** | **Caring Pharmacy dinyahsenarai Bursa Malaysia Jumaat ini**<br><br>Caring Pharmacy Group Bhd (Caring) akan dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 8 Mei 2020. Dagangan sahamnya turut digantung pada 20 April 2020 susulan keputusan 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd (SEM) untuk tidak mengekalkan penyenaraian berkenaan selepas tawaran pengambilalihan menerusi tawaran awam mandatori (MGO) mencecah paras penerimaan 90.91 peratus pada 20 Mac 2020. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/685208/caring-pharmacy-dinyahsenarai-bursa-malaysia-jumaat-ini |
| 2. | **Harian Metro** | **Syarikat besar perlu bantu kerajaan**<br><br>Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PPIPBM) menggalakkan syarikat di negara | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/574565/syarikat-besar-perlu-bantu-kerajaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ini mengambil perlindungan insurans bagi meringankan kos perubatan pekerjanya.<br><br>Syarikat tidak boleh terlalu bergantung dengan kerajaan untuk menanggung keseluruhan kos rawatan terutama pekerja didapati positif COVID-19. Namun, bagi syarikat kecil yang tidak mampu menanggung kos rawatan, kerajaan harus mempertimbangkan dengan memberi diskaun atau membantu dari segi kemudahan lain. | |
| 3. | **Harian Metro** | **Misi pulih sektor ekonomi**<br><br>Sudah tiba masanya kerajaan memberi fokus menyeluruh dalam memulakan dan merangsang semula sektor ekonomi negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemampanan ekonomi.<br><br>Keputusan kerajaan bagi membenarkan hampir kesemua sektor ekonomi beroperasi dijangka akan memberi impak positif ke atas pertumbuhan ekonomi, pendapatan negara dan kelangsungan pekerjaan rakyat. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/574303/misi-pulih-sektor-ekonomi |
| 4. | **Malay Mail** | **Malaysia criticises WHO's advice against palm oil during coronavirus**<br><br>Malaysia criticised the World Health Organisation for advising adults to avoid palm oil in their diet during the COVID-19 outbreak and use alternatives such as olive oil. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/04/malaysia-criticises-whos-advice-against-palm-oil-during-coronavirus/1863012 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Palm oil is used in everything from infant formula to cookies, but demand for the vegetable oil has been hammered due to the closure of restaurants during virus-linked lockdowns in many countries. | |
| | **B. Subsektor Kewangan** | | |
| 5. | **Harian Metro** | **Kedai pajak gadai jadi tumpuan**<br><br>Kedai pajak gadai menjadi tumpuan orang ramai selepas hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan.<br><br>Bukan sahaja kedai pajak gadai di sekitar Kuala Lumpur dikerumuni orang ramai malah beberapa negeri lain seperti Perlis, Terengganu dan Ipoh turut mengalami situasi sama. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/574516/kedai-pajak-gadai-jadi-tumpuan |

Penemuan penting & isu:

1. Caring Pharmacy Group Bhd telah mengumumkan akan dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 8 Mei 2020 susulan keputusan 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd untuk tidak mengekalkan penyenaraian berkenaan.
2. Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia menggalakkan syarikat di negara ini mengambil perlindungan insurans bagi meringankan kos perubatan pekerjanya.
3. Sekiranya PKP diteruskan untuk sebulan lagi, Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) akan mencatatkan kerugian RM35 bilion dan menjadikan jumlah keseluruhan kerugian RM98 bilion. Pembukaan semula sektor ekonomi bertujuan untuk merangsang semula sektor ekonomi negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemampanan ekonomi.
4. WHO telah menasihati orang dewasa untuk mengelakkan penggunaan minyak sawit dalam menu diet harian malah menggunakan altenatif lain seperti minyak zaitun semasa wabak COVID-19. Malaysia walau bagaimanapun telah mengkritik WHO kerana mengeluarkan nasihat tersebut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. Data perdagangan yang dikeluarkan oleh DOSM menunjukkan import dan eksport meningkat 1.1% dan 1.3% tahun ke tahun pada suku pertama tahun ini.<br>6. Kedai pajak gadai telah menjadi tumpuan utama orang ramai yang memerlukan sokongan kewangan segera pada hari pertama PKPB dilaksanakan. | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Kemampuan syarikat-syarikat besar mengambil perlindungan insurans dan menanggung kos perubatan pekerja yang dijangkiti wabak COVID-19 dapat meringankan beban kerajaan.<br>2. Pembukaan semula sektor ekonomi dijangka akan memberikan impak positif ke atas pertumbuhan ekonomi, pendapatan negara dan kelangsungan pekerjaan rakyat.<br>3. Kenyataan daripada WHO yang tidak menggalakkan penggunaan minyak kelapa sawit dijangka memberikan kesan negatif dalam industri kelapa sawit di Malaysia.<br>4. Penurunan eksport pada bulan Mac iaitu jatuh 4.7% dari tahun lalu dijangka memberi kesan negatif kepada prestasi subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan pada suku pertama 2020. | | | |
| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Harga minyak dunia kembali susut**<br><br>Harga minyak jatuh hari ini selepas kenaikan kukuh minggu lalu, dengan kebimbangan berterusan terhadap lebihan bekalan dan kapasiti simpanan disebabkan kejutan permintaan COVID-19 membayangi pemotongan output.<br><br>Penanda aras Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) jatuh kira-kira lapan peratus untuk diniagakan pada AS$18.19 satu tong. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/684946/harga-minyak-dunia-kembali-susut |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Penanda aras minyak mentah antarabangsa, Brent susut tiga peratus untuk diniagakan pada AS$25.56 satu tong. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Eksport suku pertama negara tertinggi dalam sejarah**<br><br>Nilai eksport Malaysia pada suku pertama 2020 meningkat 1.1 peratus kepada RM238.68 bilion berbanding suku sama tahun lalu, menjadikannya jumlah eksport tertinggi negara bagi suku pertama.<br><br>Perdagangan Malaysia pada suku pertama 2020 meningkat sebanyak 1.2 peratus kepada RM440.38 bilion berbanding suku pertama 2019. Perdagangan yang lebih tinggi itu katanya, direkodkan dengan Indonesia, Amerika Syarikat (AS), Korea Selatan, Arab Saudi dan Singapura. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/684990/eksport-suku-pertama-negara-tertinggi-dalam-sejarah |

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak jatuh hari ini selepas kenaikan kukuh minggu lalu. Penanda aras Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) jatuh kira-kira lapan peratus untuk diniagakan pada AS$18.19 satu tong. Manakala, penanda aras minyak mentah antarabangsa, Brent susut tiga peratus untuk diniagakan pada AS$25.56 satu tong.
2. Nilai eksport Malaysia pada suku pertama 2020 meningkat 1.1 peratus kepada RM238.7 bilion berbanding suku sama tahun lalu, menjadikannya jumlah eksport tertinggi negara bagi suku pertama. Perdagangan Malaysia pada suku pertama 2020 meningkat sebanyak 1.2 peratus kepada RM440.4 bilion berbanding suku pertama 2019.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import minyak mentah (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM4.1 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM1.8 bilion atau 81.0% daripada RM2.3 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM2.4 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM122.1 juta atau 4.9% daripada RM2.5 bilion.
2. Pada Mac 2020, eksport mencatatkan penurunan 4.7% kepada RM80.1 bilion tahun ke tahun. Berasaskan tahun ke tahun, kejatuhan eksport disebabkan oleh penurunan eksport ke Thailand (-RM2.0 bilion), India (-RM1.4 bilion), Kesatuan Eropah (-RM1.1 bilion) dan Viet Nam (-RM966.2 juta). Walau bagaimanapun, eksport meningkat ke Indonesia (+RM2.6 bilion) dan Singapura (+RM897.0 juta). Import juga mencatatkan penurunan iaitu 2.7% tahun ke tahun kepada RM67.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import yang lebih rendah adalah dari Singapura (-RM1.9 bilion), Kesatuan Eropah (-RM 1.5 bilion) dan Thailand (-RM1.2 bilion). Sementara itu, import yang tinggi dari Arab Saudi (+RM1.1 bilion), India (+RM612.0 juta) dan Indonesia (+RM553.5 juta).
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Straits Times** | **Malaysia to test all migrant workers for coronavirus, employers will foot expense**<br><br>All foreign workers in Malaysia will be required to undergo COVID-19 tests that employers will pay for. | https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/coronavirus-malaysia-to-test-all-migrant-workers-for-virus-that-employers-will-pay-for |
| 2. | **The Malaysian Reserve** | **Malaysia eases MCO restrictions amid several states' reluctance**<br><br>TODAY marks the reopening of nearly all economic sectors in | https://themalaysianreserve.com/2020/05/04/malaysia-eases-mco-restrictions-amid-several-states-reluctance/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia after more than six weeks under the partial lockdown order as the country shifts gears to revive the economy. | |
| 3. | **Berita Harian** | **Tapak binaan diarah tutup, selepas ramai pekerja dijangkiti**<br><br>Sebuah tapak pembinaan di Ampang yang menjadi lokasi penularan kluster baharu wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja asing sudah ditutup. | https://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2020/05/685071/covid-19-tapak-binaan-diarah-tutup-selepas-ramai-pekerja-dijangkiti |
| 4. | **The Edge Market** | **Rubberex plans RM31m private placement to expand nitrile glove production lines**<br><br>Rubberex Corp (M) Bhd is planning to undertake a private placement to raise RM31 million to expand its production lines for nitrile gloves. | https://www.theedgemarkets.com/article/rubberex-plans-rm31m-private-placement-expand-nitrile-glove-production-lines |
| 5. | **The Edge Market** | **F&N posts slightly lower profit in 2Q as pandemic outbreak affects demand**<br><br>Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) saw its net profit for the second quarter ended March 31, 2020 (2QFY2020) decline 2.16% year-on-year (y-o-y) to RM102.17 million from RM104.43 million last year, as revenue was affected by the COVID-19 pandemic and the subsequent Movement Control Order that was implemented. | https://www.theedgemarkets.com/article/fn-posts-slightly-lower-profit-2q-pandemic-outbreak-affects-demand |
| 6. | **The Edge Market** | **Alam Maritim secures RM6.5m underwater services work order**<br><br>Alam Maritim Resources Bhd has received a work order for | https://www.theedgemarkets.com/article/alam-maritim-secures-rm65m-underwater-services-work-order |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | underwater services from SapuraOMV Upstream (PM) Inc for RM6.49 million. | |
| 7. | **The Edge Market** | **COVID-19: Hibiscus Petroleum implements asset action plans, cooperates with Trafigura**<br><br>Hibiscus Petroleum Bhd said today it had activated asset action plans and established a framework of cooperation with commodities trading company Trafigura Pte Ltd to ensure Hibiscus' business continuity as the company mitigates the impact of the COVID-pandemic on the oil and gas sector. | https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-hibiscus-petroleum-implements-asset-action-plans-cooperates-trafigura |
| 8. | **The Edge Market** | **Rare earths producer Lynas to restart Malaysia plant at 70% production rate**<br><br>Lynas Corp, the largest producer of rare earths outside China, said on Monday its processing plant in Malaysia will restart later in the day at about a 70% production rate. | https://www.theedgemarkets.com/article/rare-earths-producer-lynas-restart-malaysia-plant-70-production-rate |

Penemuan penting & isu:

1. Selain daripada 2.2 juta pekerja migran yang sah, terdapat kira-kira 3 juta orang asing yang bekerja secara haram di Malaysia.
2. Pemanjangan MCO dengan tambahan sebulan dapat menyaksikan penurunan KDNK sebanyak RM35 bilion. Penurunan eksport pembuatan sahaja dianggarkan berjumlah RM32 bilion untuk setiap dua minggu MCO.
3. *Some showrooms and service centres will also open on the same day; however, these outlets are first subject to state and local authority approval.*
4. *Rubberex would issue 25.22 million new shares, representing 10% of its share capital of 252.2 million shares. Upon completion of the placement, the group's share capital will increase to 277.43 million shares.*
5. *F&N revenue dipped a marginal 1.94% to RM1.01 billion from RM1.03 billion, its stock exchange filing showed, dragged by its F&B business in Malaysia, where revenue fell 7.8% to RM499.2 million from RM541.5 million.*

6. *The work order, secured by Alam Maritim's wholly-owned unit Alam Maritim (M) Sdn Bhd, is expected to start in June and be completed in July this year.*
7. *Hibiscus Petroleum's asset action plans have been activated to mitigate the effects of low oil prices over the CY2020 (calendar year 2020) period.*
8. *Lynas Corp restart comes on the back of easing restrictions by the Southeast Asian nation to control the spread of the coronavirus. The plant has been shuttered since March.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum dan membuat semakan berkenaan bilangan pekerja asing yang bekerja secara haram yang melebihi pekerja asing yang sah mengikut sektor yang berkaitan.
2. BPPIB mengambil maklum berkenaan pembukaan semula hampir semua sektor ekonomi di Malaysia setelah lebih dari enam minggu di bawah perintah penutupan serta penutupan semula tapak pembinaan di Kuala Lumpur akibat penularan wabak COVID-19.
3. Bahagian mengambil maklum bahawa Rubberex sedang mengembangkan pengeluaran sarung tangan nitril melalui *private placement*.
4. Bahagian mengambil maklum COVID-19 memberi kesan terhadap sektor makanan dan minuman di Malaysia, antaranya pengeluar minuman F&N.
5. Bahagian mengambil maklum bahawa Alam Maritim menerima projek underwater services yang bermula pada Jun dan berakhir pada Julai 2020 bernilai RM59.3 juta.
6. Bahagian mengambil maklum bahawa pertubuhan-pertubuhan BBU seperti Hibiscus Petroleum mengambil langkah untuk mengurangkan kesan kejatuhan harga minyak dengan melaksanakan *asset action plans*.
7. Bahagian mengambil maklum bahawa Lynas akan mula beroperasi semula pada Mei 2020 pada kadar 70 peratus.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Tiada kepulangan besar-besaran rakyat dari Singapura**<br><br>Tiada kepulangan besar-besaran warga Malaysia dari Singapura seperti yang didakwa sesetengah pihak. Kepulangan warga Malaysia dari Singapura masih sekitar antara 300-350 orang sehari. Sebelum ini, dilaporkan berlaku peningkatan kemasukan rakyat Malaysia dari Singapura | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685083/tiada-kepulangan-besar-besaran-rakyat-dari-singapura |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | akhir bulan lalu selepas kerajaan membenarkan kepulangan selepas republik itu meneruskan perintah berkurung sehingga 1 Jun ini. Rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura diwajibkan memohon Permit Kemasukan (*Entry Permit*) jika mahu pulang ke negara ini, dengan kuota 400 orang dibenarkan bergerak sehari. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Bursa Malaysia dibuka rendah**<br><br>Bursa Malaysia memulakan dagangan bagi bulan Mei dengan dibuka rendah pagi ini sejajar dengan prestasi lemah di Wall Street pada Jumaat minggu lalu. Pada 9.07 pagi, indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) turun 29.35 mata atau 2.09 peratus kepada 1,378.43 daripada paras penutup 1,407.78 pada Jumaat. Suasana pasaran negatif apabila kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 486 berbanding 75, manakala 202 kaunter tidak berubah, 1,106 tidak diniagakan dan 17 yang lain digantung. Jumlah dagangan berjumlah 419.38 juta saham bernilai RM181.48 juta. Penanda aras harga minyak mentah Brent, turun 2.72 peratus kepada AS$25.72 setong. Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan turun 232.67 mata kepada 12,240.24, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian susut 2.42 mata kepada 118.02 manakala Indeks Perladangan jatuh 142.93 mata kepada 6,218.09. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/684926/bursa-malaysia-dibuka-rendah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian** | **Pelabur asing kurangkan penjualan saham tempatan**<br><br>Jualan saham tempatan di Bursa Malaysia oleh pelabur asing minggu lalu berkurangan kepada RM87.9 juta berbanding RM1.13 bilion pada minggu sebelumnya. Penjualan itu adalah antara yang terendah direkodkan dalam tempoh 11 minggu. Untuk bulan April 2020, pelabur luar negara menjual bersih RM2.67 bilion daripada ekuiti tempatan, lebih daripada separuh daripada yang dijual pada bulan sebelumnya. Berbanding dengan enam negara lain yang dalam pemantauan MIDF, Malaysia kekal menjadi negara dengan aliran keluar dana asing ketiga terkecil berdasarkan tahun semasa selepas Indonesia dan Filipina. Aliran keluar dana asing dari Malaysia hingga tahun ini mencecah RM10.3 bilion. Beliau berkata, Bursa Malaysia memulakan minggu lalu dengan suasana suram kerana pelabur asing mengeluarkan RM115.8 juta bersih ekuiti tempatan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/684996/pelabur-asing-kurangkan-penjualan-saham-tempatan |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Tiada kepulangan besar-besaran warga Malaysia dari Singapura seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Kepulangan warga Malaysia dari Singapura masih sekitar antara 300-350 orang sehari dengan kuota 400 orang sejak akhir bulan lalu selepas republik itu meneruskan perintah berkurung sehingga 1 Jun ini.
2. Akhbar 2: Bursa Malaysia dibuka rendah pada pagi ini dengan indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) menurun 29.35 mata atau 2.09 peratus kepada 1,378.43 daripada paras penutup 1,407.78 pada Jumaat.
3. Akhbar 3: Jualan saham tempatan di Bursa Malaysia oleh pelabur asing

| | | | |
|---|---|---|---|
| | minggu lalu menurun kepada RM87.9 juta berbanding RM1.13 bilion pada minggu sebelumnya. Malaysia kekal menjadi negara dengan aliran keluar dana asing ketiga terkecil berbanding dengan enam negara lain yang dalam pemantauan MIDF. | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Akhbar 1: Situasi kepulangan warga Malaysia dari Singapura apabila Singapura meneruskan perintah berkurung sehingga 1 Jun akan mempengaruhi komponen Perjalanan dan Akaun Pendapatan sekunder. Pada tahun 2019, jumlah eksport perjalanan merekodkan sebanyak RM82.1 bilion dan import ialah RM51.2 bilion. Manakala, Akaun Sekunder mencatatkan defisit sebanyak RM21.4 bilion.<br>2. Akhbar 2 dan 3: Prestasi Bursa Malaysia yang turun naik dan senario pelabur asing yang menjual saham tempatan di Bursa Malaysia akan mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya dalam komponen Pelaburan Portfolio. Aliran keluar sebanyak RM37.7 bilion telah dicatatkan dalam Pelaburan Portfolio pada tahun 2019. | | | |
| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Perbadanan Labuan beri diskaun 30 peratus pajakan 108 lot tanah**<br><br>Perbadanan Labuan memberi diskaun 30 peratus ke atas pajakan 108 lot tanah miliknya yang dipajakkan kepada 85 syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan minyak dan gas, logistik, komersial, kejuruteraan awam serta pelancongan di Labuan.<br><br>Menteri Wilayah Persekutuan berkata pemberian diskaun itu adalah penambahan program Inisiatif Wilayah Cakna yang diumumkan sebelum ini bagi meringankan beban | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1838251 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta Perusahaan Mikro di Wilayah Persekutuan Labuan yang terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | |
| 2. | **The Malaysian Reserve** | **Businesses to survive at full capacity**<br><br>The government's move to allow selected sectors to resume operations at full capacity would help revive the economy from the crisis caused by the COVID-19 outbreak.<br><br>It is a positive move to allow the companies who have been operating during the MCO to fully resume as it would help rejuvenate the economy. This new ruling would help them ramp up their capacity to meet the unfulfilled demand.<br><br>The American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM) lauded the government's "firm commitment" in ensuring business continuity and sustainability to rebuild the country's economy as it also allows small and medium enterprises to revive their businesses. | https://themalaysianreserve.com/2020/05/04/businesses-to-survive-at-full-capacity/ |

| Penemuan penting & isu: |
|---|
| 1. Perbadanan Labuan memberi diskaun 30 peratus ke atas pajakan 108 lot tanah miliknya yang dipajakkan kepada 85 syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan minyak dan gas, logistik, komersial, kejuruteraan awam serta pelancongan di Labuan. Ini merupakan penambahan Inisiatif Wilayah Cakna bertujuan meringankan beban yang ditanggung syarikat-syarikat semasa PKP di Wilayah Persekutuan Labuan. |
| Maklumbalas Bahagian: |
| 1. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang membenarkan perniagaan untuk memulakan operasi pada 4 Mei 2020 membolehkan pemilik perniagaan untuk menjana pendapatan di samping mengurangkan kadar pengangguran di kalangan rakyat Malaysia. Kestabilan pendapatan memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna sekaligus merancakkan permintaan domestik serta merangsang ekonomi negara. |

| G. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani** | **Angka korban COVID-19 di seluruh dunia meningkat melebihi 246,000 kes.**<br><br>Angka korban akibat COVID-19 di seluruh dunia mencatatkan peningkatan 5,000 kes dalam tempoh 24 jam. | Http://www.astroawani.com/berita-dunia/angka-korban-covid-19-di-seluruh-dunia-meningkat-melebihi-246-000-241365 |
| 2. | **Astro Awani** | **Kes positif COVID-19 kini hampir 3.5 juta di seluruh dunia**<br><br>KES positif COVID-19 di seluruh dunia terus meningkat dengan jumlah kumulatif menghampiri 3.5 juta orang dengan pertambahan lebih 80,000 kes. | http://www.astroawani.com/berita-dunia/kes-positif-covid-19-kini-hampir-3-5-juta-di-seluruh-dunia-241366 |
| 3. | **Sinar Harian** | **Kumpulan 61-70 tahun rekod kematian tertinggi**<br><br>Kumpulan umur yang mempunyai bilangan kematian | https://www.sinarharian.com.my/article/81785/KHAS/Koronavirus/Kumpulan-61-70-tahun-rekod- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | wabak koronavirus (COVID-19) tertinggi di Malaysia adalah antara 61 hingga 70 tahun. Keputusan itu diperoleh melalui hasil kajian kematian ke atas 99 daripada 105 kes kematian yang telah dilaporkan setakat ini. | kematian-tertinggi |
| 4. | **Astro Awani** | **COVID-19: Semua pekerja asing wajib buat ujian saringan**<br><br>Pekerja asing dalam semua sektor di negara ini diwajibkan untuk melakukan ujian saringan COVID-19 bagi memastikan mereka bebas jangkitan virus berkenaan. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-semua-pekerja-asing-wajib-buat-ujian-saringan-241420 |
| 5. | **Berita Harian** | **16,223 penuntut sudah pulang**<br><br>Seramai 1,507 pelajar dihantar pulang pada Jumaat lalu, manakala 4,666 orang pada Sabtu dan semalam 4,965 orang. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685073/16223-penuntut-sudah-pulang |

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah keseluruhan yang maut kini mencecah 246,000 kes. Sebanyak lima negara mempunyai kes maut melebihi 20,000. Amerika Syarikat kekal sebagai negara dengan angka korban tertinggi dan satu-satunya negara yang melebihi 67,000 kematian diikuti Itali yang menghampiri 29,000 kes, United Kingdom sebanyak 28,000 kes. Manakala Perancis dan Sepanyol masing-masing 25,000 dan 24,000. Jumlah kes di seluruh dunia terus meningkat dengan menghampiri 3.5 juta orang dengan pertambahan lebih 80,000 kes. Sembilan negara mempunyai angka positif melebihi 100,000 kes. Brazil menjadi negara terbaharu memcatatkan kes melebihi 100,000 kes. Kumpulan umur yang mempunyai bilangan kematian tertinggi di Malaysia adalah antara 61 hingga 70 tahun. Keputusan itu diperoleh melalui hasil kajian kematian ke atas 99 daripada 105 kes kematian yang telah dilaporkan setakat ini. Golongan warga emas didapati agak terjejas dengan wabak COVID-19.
2. Kes positif jangkitan virus ini meningkat dua hari berturut-turut dan ia berlaku dalam kalangan pekerja warga asing di sebuah tapak pembinaan di Ampang, Selangor. Untuk membendung COVID-19 daripada terus merebak, Kementerian Kerja Raya menutup operasi tapak bina itu dan kerajaan bersetuju untuk mewajibkan semua pekerja warga asing di

semua sektor sama ada pembinaan, kilang, komersial dan kedai makan untuk membuat saringan kesihatan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata bilangan buruh asing mungkin akan dapat dikawal, sekali gus membuka lebih peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

3. Seramai 1,507 pelajar dihantar pulang pada Jumaat lalu, manakala 4,666 orang pada Sabtu dan semalam (4,965). Proses penghantaran pulang berterusan dan dikendalikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan institusi pengajian tinggi.

Maklum balas Bahagian:

1. Bahagian sentiasa mengambil maklum dan memantau bilangan kematian disebabkan COVID-19. Analisa mengenai bilangan kematian serta ciri-ciri demografi seperti jantina, kumpulan umur dan negeri akan dijadikan input bagi penyediaan Penerbitan Perangkaan Kematian dan Sebab Kematian yang akan diterbitkan oleh Bahagian. Data yang diterbitkan seperti kadar kematian mengikut sebab kematian, negeri dan mengikut daerah pentadbiran.
2. Bilangan dan maklumat penduduk bukan warganegara yang menetap di negara ini amat penting untuk dikira dan dikenal pasti bagi tujuan perancangan pembangunan sosial negara. Berdasarkan anggaran penduduk semasa tahun 2019, bilangan penduduk bukan warganegara adalah seramai 3.2 juta orang iaitu 9.8 peratus daripada penduduk di Malaysia.
3. Pelajar IPT yang tinggal di kolej atau asrama yang disediakan oleh pihak institusi juga akan dibanci iaitu di tempat kediaman biasa mereka pada Hari Banci. Pelajar yang pulang ke rumah ibu bapa mereka buat sementara waktu akan dibanci di tempat kediaman biasa mereka.

| H. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Kebergantungan terhadap tenaga buruh asing akan diperhalusi – Mustapa**<br><br>Kerajaan akan melihat semula dasar tenaga buruh asing yang ketika ini berjumlah kira-kira 2.3 juta orang di negara ini, susulan pelbagai kesukaran dialami mereka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bagi membendung penularan pandemik COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684966/kebergantungan-terhadap-tenaga-buruh-asing-akan-diperhalusi-mustapa |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), berkata bilangan buruh asing ini mungkin akan dapat dikawal, sekali gus membuka lebih peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.<br><br>Meskipun begitu kita menyedari keperluan industri tertentu terhadap buruh asing bagi memenuhi tuntutan ekonomi. | |
| 2. | **Berita Harian** | **PKPB mampu tingkatkan ekonomi, bina keyakinan pengguna**<br><br>Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula hari ini akan membantu meningkatkan ekonomi dan membina semula keyakinan pengguna.<br><br>Di dalam negara, kelonggaran sekatan pergerakan akan membolehkan perniagaan menyambung semula aktiviti ekonomi, menjana hasil dan seterusnya dapat menangani isu pemberhentian pekerja.<br><br>Kadar pengangguran dijangka masih melebihi 4.0 peratus tetapi terkawal di bawah 5.0 peratus tahun ini memandangkan pakej rangsangan fiskal dan kelonggaran monetari bagi membantu menangani impak COVID-19. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/685001/pkpb-mampu-tingkatkan-ekonomi-bina-keyakinan-pengguna |
| 3. | **Berita Harian** | **1,000 rakyat tempatan kini bekerja di Pasar Borong KL**<br><br>Kira-kira 1,000 pekerja tempatan kini sudah mula bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur di | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684782/1000-rakyat-tempatan-kini-bekerja-di-pasar- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Selayang, setakat hari ini.<br><br>BH melaporkan peniaga dan pemborong sayur, buah dan ikan di Pasar Borong Kuala Lumpur memerlukan hampir 3,000 pekerja tempatan.<br><br>Semua peniaga di pasar borong perlu mengambil kesempatan ini untuk berhenti menggajikan warga asing, khususnya pendatang asing tanpa izin (PATI), sebaliknya mengutamakan rakyat tempatan. | borong-kl |
| 4. | **Sinar Harian** | **Pusat beli-belah beroperasi semula**<br><br>Pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 1 Mei lalu untuk membuka semula aktiviti ekonomi di seluruh negara secara terkawal disambut baik oleh pengendali pusat beli-belah di Lembah Klang.<br><br>Antara pusat beli-belah yang beroperasi di Lembah Klang adalah 1 Utama, Subang Parade, Mid Valley dan lain-lain. | https://www.sinarharian.com.my/article/81831/KHAS/Koronavirus/Pusat-beli-belah-beroperasi-semula |
| 5. | **The Star** | **DBKL lists operating hours for businesses during conditional MCO**<br><br>KUALA LUMPUR City Hall (DBKL) has fine-tuned the operation hours for business and services under its purview here to ensure the successful implementation of the conditional movement control order on | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/05/04/dbkl-lists-operating-hours-for-businesses-during-conditional-mco |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Monday (May 4).<br><br>This follows the announcement of Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on May 1 to reopen the economy.<br><br>The new guidelines list the operation hours for wet markets, hypermarkets, sundry shops, restaurants, roadside stalls and services like laundry and others. | |
| 6. | **The Sun Daily** | **Saravanan: Employers, workers must adopt new normal culture**<br><br>The Ministry of Human Resources (MOHR) urges all employers and employees to adopt the new normal as a daily routine while at business or work premises.<br><br>The government would not compromise with companies or employers who were negligent and failed to implement control and preventive measures under the act.<br><br>Each party, including employers and workers, are required to give their full co-operation and commitment in adhering to the requirements set by adopting a new normal culture for the benefit of the people and the nation,“ he added. | https://www.thesundaily.my/home/saravanan-employers-workers-must-adopt-new-normal-culture-AA2367354 |
| 7. | **The Sun Daily** | **Hotels get ready for ‘new normal’**<br><br>Hotels guests in the coming weeks - and possibly months - | https://www.thesundaily.my/local/hotels-get-ready-for-new-normal-KL2368682 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | will face the hassle of body temperature checks, be compelled to wash hands, don surgical masks as well as to share personal data with the hotels despite wanting to just spend a few hours there.<br><br>Hotels would accept the new guidelines but at the same time, more aid and support need to be given to the hospitality industry if the government wants the majority of them to survive. At least 50% of the hotels in the country are contemplating permanent or temporary closure with job losses said to be in the thousands | |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan akan melihat semula dasar tenaga buruh asing yang ketika ini berjumlah kira-kira 2.3 juta orang di negara ini, susulan pelbagai kesukaran dialami mereka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Kadar pengangguran dijangka masih melebihi 4.0 peratus tetapi terkawal di bawah 5.0 peratus tahun ini memandangkan pakej rangsangan fiskal dan kelonggaran monetari bagi membantu menangani impak COVID-19.
3. Kira-kira 1,000 pekerja tempatan kini sudah mula bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang, setakat hari ini. Peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di Pasar Borong Kuala Lumpur hampir kepada 3,000 kekosongan.
4. Pengumuman mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 1 Mei lalu untuk membuka semula aktiviti ekonomi secara terkawal mulai 4 Mei di seluruh negara disambut baik oleh pengendali pusat beli-belah di Lembah Klang.
5. DBKL telah mengeluarkan panduan baru waktu operasi yang dibenarkan bagi pasar basah, pasaraya besar, kedai runcit, gerai di tepi jalan restoran, dan perkhidmatan seperti dobi dan lain-lain.
6. Sekurang-kurangnya 50% hotel di seluruh negara mempertimbangkan untuk penutupan secara kekal atau sementara yang akan mengakibatkan ribuan pekerja di sektor berkenaan akan kehilangan pekerjaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan penduduk bekerja bagi bukan warganegara adalah sebanyak 2,236.6 ribu orang manakala warganegara pula adalah sebanyak 12,836.8 ribu orang.
2. Pembukaan semula aktiviti ekonomi secara terkawal dijangka akan dapat menangani isu pengangguran bermula Mei 2020. Berdasarkan Penemuan Survei Tenaga Buruh Februari 2020, kadar pengangguran adalah sebanyak 3.3%.
3. Pembukaan semula pusat beli-belah di Lembah Klang akan membuka semula pekerjaan dalam aktiviti perdagangan runcit. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan Penduduk bekerja dalam industri Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal adalah 2,594.5 ribu orang.
4. Penutupan secara kekal atau sementara hotel dijangka akan memberi kesan kepada penduduk bekerja dalam aktiviti penginapan jangka masa pendek. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan Penduduk bekerja dalam industri penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman adalah 1,549.7 ribu orang.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Lebih RM320,000 diagih kepada 256 pesawah terjejas banjir di Perak**<br><br>Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah mengagihkan sebanyak RM329,253 menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi kepada 256 pesawah di Perak yang terjejas akibat banjir pada penghujung tahun lepas. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1838240 |
| 2. | **New Starits Times** | **Experts call for more emphasis on food security**<br><br>Experts in the food security industry call for more emphasis to be given to agriculture and farming sectors to ensure continuous availability and food in the region. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/589463/experts-call-more-emphasis-food-security |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Harian Metro**<br><br>3 Mei 2020 | **Ujian Ramadan Rumah Dilanda Banjir Kilat**<br><br>Beberapa kawasan di daerah Jempol, Negeri Sembilan dinaiki air sehingga ada penduduk terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementera (PPS) selepas hujan lebat bermula 7.45 malam. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/573992/ujian-ramadan-rumah-dilanda-banjir-kilat |
| 4. | **Bernama** | **Gangguan Bekalan Air tidak berjadual di Bandar Bukit Puchong**<br><br>Beberapa kawasan di Bandar Bukit Puchong di Wilayah Sepang dan Petaling mengalami gangguan bekalan air berikutan paip pecah di pintu masuk Apartment Baiduri Court, Bandar Bukit Puchong 2. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-bekalan-air-tidak-berjadual-di-bandar-bukit-puchong-241359#.Xq9myMBzJ4Y.whatsapp |
| 5. | **Bernama** | **COVID-19 : Lapan Jenis Bahan Kimia Diguna Dalam Operasi Sanitasi Awam, Disinfeksi**<br><br>Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menggunakan lapan jenis bahan kimia dalam operasi sanitasi awam dan disinfeksi di tempat-tempat yang dikesan mempunyai penularan tinggi wabak COVID-19. | https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1838171 |

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah mengagihkan sebanyak RM329,253 menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi kepada 256 pesawah di Perak yang terjejas akibat banjir pada penghujung tahun lepas.

    i. Penerima yang layak melibatkan empat daerah iaitu Kerian seramai 128 orang, Hilir Perak (60), Perak Tengah (58) dan Kuala Kangsar (10) membabitkan kawasan seluas 401.21 hektar.

    ii. Dua jenis bantuan diberikan iaitu Bantuan Penanaman Semula Padi berjumlah RM876 sehektar setiap seorang. Selain itu, diberikan juga Bantuan Kerugian Hasil Padi sebanyak RM1,800 sehektar setiap

seorang dan jumlah maksimum bantuan kepada pesawah yang layak adalah sebanyak tiga hektar.

2. *Experts in the food security industry call for more emphasis to be given to agriculture and farming sectors to ensure continuous availability and food in the region.*

    i. *Institute of Agricultural and Food Policy Studies' director Professor Dr Paul Teng said:*

    - *It was about time governments in Asean countries invest in agriculture research and development (R&D) work that empowers farmers.*

    - *Lack of importance given to food security would not only cause shortage but affect an entire food supply chain and production, possibly crippling a nation*

    - *By empowering farmers to produce more, also empowering consumers and all the way the supply chain, upstream, downstream but sadly, in all the studies that have done, agriculture R&D generally received among the lowest attention in the public sector.*

    - *Asia has 80 percent of the world's small-hold farmers amounting to 100 million in the Asean region, thus scientists, policymakers and Governments must educate the public about food production and its importance.*

    - *People starting to look into edible farming and notice a surge in the online sales as well. It is encouraging when people start to realise how important it is to know and understand how their food grows.*

    ii. *Food security should be addressed from a multi-dimensional aspect, where it is not only about the availability of food supply but the variety in choices as well as making sure that it is filled with nutrition - UPM's Associate Professor Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique.*

3. Penduduk Kampung Datok Johan, Rahimah Hassan (55) memaklumkan:

    i. Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Mohd Nor Yahya memberitahu:
    - Kesemua kebajikan penduduk terjejas dan berada di PPS dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Jempol. Penduduk akan berada di

PPS sehingga dibenarkan pulang dan ketika ini masih terdapat rumah yang digenangi air.

- Kali terakhir banjir berlaku kira-kira lapan tahun lalu dan dua hari lalu hujan lebat berlaku namun air tidak masuk ke dalam rumah hanya sekitar halaman sahaja.

ii. Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Serting, Abd Rahman Ramli turut memberitahu:

- Pihaknya sudah menghubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengenal pasti punca banjir berkenaan.

- Ada aduan daripada penduduk yang mendakwa ia berpunca daripada Sungai Serting yang tidak diuruskan selain terdapat parit yang sudah lama terbiar.

- Berharap agar mereka yang berada di PPS dapat menjaga kebersihan diri dengan sebaik mungkin selain melakukan penjarakan *social.*

4. Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Elina Baseri memberitahu:

- Kerja pembaikan paip pecah tersebut tidak dapat disiapkan seperti yang dijadualkan pada 10 malam Ahad kerana kedalamannya melebihi lapan meter yang memerlukan kerja pengukuhan ruang pembaikan dilakukan terlebih dahulu.

- Insiden paip pecah ini pada awalnya telah menyebabkan gangguan bekalan air di 40 kawasan, seperti yang telah dimaklumkan di aplikasi Air Selangor pagi tadi (Ahad).

- Menjangkakan pemulihan sepenuhnya bekalan air di kawasan terjejas pada 6 petang Isnin (4 Mei). Air Selangor juga telah menggerakkan lori-lori tangki di Bandar Bukit Puchong bagi membantu pengguna yang terjejas.

5. Ketua Pengarah JBPM Datuk Mohammad Hamdan memaklumkan:

i. Lapan jenis bahan kimia berkenaan yang termasuk *Etanol, Natrium Hipoklorit* dan *Benzalkonium Klorida* digunakan dalam proses sanitasi awam di kawasan luar manakala disinfeksi dalam kawasan tertutup.

ii. Sebelum menggunakan lapan bahan kimia itu, pihaknya mendapatkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan membuat rujukan terkini jurnal Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai jenis

bahan kimia yang sesuai digunakan.

iii. Apabila pihak beliau membuat penyelidikan bahan kimia berkenaan, didapati lapan jenis bahan kimia itu terdapat di Malaysia dan boleh digunakan untuk tempat-tempat tertentu, sebelum membuat proses campuran bahan kimia itu, pihaknya terlebih dahulu mendapat nasihat Jabatan Kimia untuk Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan sanitasi awam dan disinfeksi pada tempat awam mengikut protokol ditetapkan.

iv. Ini bermakna untuk melakukan penugasan nyah cemar ini bukannya boleh dibuat secara suka-suka dan ia perlu dibuat mengikut protokol kerana ia melibatkan bahan kimia.

v. Setakat ini, JBPM telah membuat operasi nyah cemar di 130 zon yang dikenal pasti oleh KKM termasuk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

vi. Terdapat permintaan daripada mereka (PBT dan Kerajaan Negeri) untuk mendisinfeksi kerana kawasan zon hijau mereka berkemungkinan pernah dimasuki oleh penduduk yang menetap di kawasan zon merah atau zon kuning. Oleh sebab itu, ada juga bangunan tertentu kami buat operasi nyah cemar berulang kali sebagai contoh kawasan Pasar Selayang, di sini, kerana ia merupakan zon merah COVID-19.

vii. Setakat 30 April lepas pihaknya telah membuat sebanyak 117 operasi sanitasi awam meliputi 41 zon iaitu 10 zon merah dan 31 zon kuning melibatkan pelbagai negeri tertentu. Antaranya ia melibatkan premis perniagaan, stesen pengangkutan awam, tempat ibadat, pasar awam, kawasan perumahan. Selain itu pihak beliau telah melakukan 544 operasi sanitasi awam dan disinfeksi di fasiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman dan Ibu Pejabat Kontinjen Polis.

viii. Selain fasiliti PDRM, sebanyak 316 balai bomba seluruh negara serta fasiliti Jabatan Penjara dan depoh tahanan Jabatan Imigresen di seluruh negara juga dinyah kuman sebagai langkah pencegahan wabak itu.

ix. Pemakaian pakaian perlindungan diri (PPE) ketika operasi disinfeksi juga berbeza dengan pakaian PPE sanitasi awam. Disinfeksi, tahap pakaian PPE perlu tinggi, kandungan bahan kimia digunakan juga lebih tinggi malah peralatan PPE juga lebih lengkap dan berbeza dengan pakaian PPE sanitasi awam yang nipis serta penggunaan bahan kimia dengan kekuatan sederhana.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum berhubung pelbagai jenis bantuan yang diberikan oleh MOA dalam membantu penanam padi yang terjejas akibat pelbagai faktor seperti bencana alam, penyakit tanaman padi yang bukan disebabkan oleh kecuaian manusia. Dengan adanya bantuan ini, diharap dapat membantu pesawah untuk meneruskan aktiviti penanaman padi bagi membekalkan sumber makanan utama negara.

2. Kepentingan keselamatan makanan terus diberi perhatian termasuklah cadangan kepada pemerintah di negara-negara Asean untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan pertanian (R&D) bagi membantu mengingkatkan hasil pengeluaran. R&D perlu untuk melihat kepada keselamatan makanan tidak hanya kepada kekurangan bekalan tetapi mempengaruhi seluruh rantaian bekalan dan pengeluaran makanan. Ini selaras dengan kelonggaran yang diberikan kepada sektor pertanian sejak awal PKP dilaksanakan.

3. BPPAS mengambil maklum kejadian banjir kilat yang berlaku di daerah Jempol, Negeri Sembilan dan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan sedang dalam tindakan bagi mengenal pasti punca banjir kilat berlaku. Maklumat bilangan kejadian banjir yang dilaporkan mengikut negeri turut dimuatkan dalam penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS). Negeri Sembilan mencatatkan 42 kejadian banjir pada 2017 berbanding 14 pada 2016.

**Jadual 4.1: Bilangan kejadian banjir yang dilaporkan mengikut negeri, Malaysia, 2014-2017**
*Table 4.1: Number of flood incident reported by state, Malaysia, 2014-2017*

| Negeri *State* | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|
| **Malaysia** | **381** | **496** | **404** | **1,239** |
| Johor | 8 | 13 | 8 | 50 |
| Kedah | 33 | 37 | 41 | 57 |
| Kelantan | 49 | 5 | 4 | 82 |
| Melaka | 11 | 18 | 8 | 22 |
| Negeri Sembilan | 14 | 17 | 14 | 42 |
| Pahang | 27 | 20 | 69 | 217 |
| Perak | 52 | 91 | 31 | 77 |
| Perlis | 19 | 5 | 2 | 4 |
| Pulau Pinang | 20 | 26 | 46 | 33 |
| Sabah | 13 | 19 | 6 | 28 |
| Sarawak | 14 | 84 | 45 | 427 |
| Selangor | 92 | 135 | 115 | 186 |
| Terengganu | 19 | 3 | 4 | 8 |
| W.P. Kuala Lumpur | 7 | 8 | 6 | 5 |
| W.P. Labuan | 3 | 15 | 5 | 1 |

**Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran**
*Source: Department of Irrigation and Drainage*

4. BPPAS ambil maklum kualiti alam sekitar akan mengalami kemerosotan bermula Isnin ini (4 Mei 2020) berikutan kebanyakan industri akan memulakan operasi berdasarkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 1 Mei 2020. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), bahan pencemar udara berbentuk partikel, titisan cecair atau gas merupakan bahan kimia di udara yang boleh membahayakan manusia dan alam sekitar. Terdapat enam bahan pencemar utama iaitu Ozon Permukaan Bumi (O), Karbon Monoksida (CO), Sulfur Dioksida ($SO_2$), Nitrogen Dioksida ($NO_2$), Habuk Halus bersaiz kurang dari 10 mikron ($PM_{10}$) dan 2.5 mikron ($PM_{2.5}$). Semua kawasan guna tanah mencatatkan bacaan kepekatan bahan pencemar udara dibawah garis panduan Malaysia. Kawasan bandar mencatatkan bacaan kepekatan tertinggi bagi semua jenis bahan pencemar udara yang dinyatakan.

**Paparan 1.3: Purata tahunan kepekatan berdasarkan jenis bahan pencemar udara mengikut guna tanah, Malaysia, 2018**

| Bahan pencemar udara | Garis panduan Malaysia | Kawasan industri | Bandar | Subbandar | Luar bandar | Latarbelakang |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Ozon Permukaan Bumi ($O_3$) | 0.10 ppm | n.a. | 0.0188 | 0.0173 | n.a. | 0.0099 |
| Karbon Monoksida (CO) | 9.00 ppm | n.a. | 0.7247 | 0.6329 | n.a. | 0.6170 |
| Sulfur Dioksida ($SO_2$) | 0.04 ppm | 0.0009 | 0.0012 | 0.0010 | n.a. | 0.0009 |
| Nitrogen Dioksida ($NO_2$) | 0.16 ppm | 0.0037 | 0.0110 | 0.0073 | n.a. | 0.0028 |
| Habuk Halus ($PM_{10}$) | 45 $\mu g/m^3$ | 23 | 28 | 26 | 22 | 21 |
| Habuk Halus ($PM_{2.5}$) | 25 $\mu g/m^3$ | 14 | 19 | 17 | 14 | 12 |

Sumber data: Jabatan Alam Sekitar

5. BPPAS mengambil maklum gangguan bekalan air yang berlaku di sekitar Sepang dan Petaling berikutan kejadian paip pecah serta menjejaskan 40 kawasan sekitarnya. Maklumat di dalam penerbitan KPAS menunjukkan jumlah pegeluaran air yang dibekalkan pada 2018 ialah 17,174 juta liter sehari (JLH) manakala bagi negeri Selangor sebanyak 4,856 juta liter sehari (JLH).

**Jadual 2.38: Pengeluaran air yang dibekalkan mengikut negeri, Malaysia, 2014-2018**
*Table 2.38: Production of water supplied by state, Malaysia, 2014-2018*

Juta liter sehari (JLH)
*Million litres per day (MLD)*

| Negeri *State* | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Malaysia** | **15,768** | **16,159** | **16,652** | **16,799[r]** | **17,174** |
| Johor | 1,568 | 1,619 | 1,737 | 1,680[r] | **1,757** |
| Kedah | 1,299 | 1,315 | 1,361 | 1,370 | **1,446** |
| Kelantan | 445 | 454 | 471 | 475 | **491** |
| Melaka | 532 | 519 | 510 | 513 | **528** |
| Negeri Sembilan | 744 | 752 | 779 | 771 | **780** |
| Pahang | 1,108 | 1,129 | 1,111 | 1,109 | **1,158** |
| Perak | 1,224 | 1,289 | 1,317 | 1,314 | **1,333** |
| Perlis | 208 | 220 | 243 | 228[r] | **234** |
| Pulau Pinang | 995 | 1,014 | 1,054 | 1,058 | **1,073** |
| Sabah | 1,196 | 1,229 | 1,223 | 1,261 | **1,304** |
| Sarawak[1] | 1,188 | 1,268 | 1,328 | 1,466 | **1,513** |
| Selangor[2] | 4,594 | 4,675 | 4,807 | 4,842 | **4,856** |
| Terengganu | 598 | 603 | 640 | 641 | **627** |
| W.P. Labuan | 69 | 73 | 72 | 71 | **74** |

**Nota:**
*Notes:*

[1]**Termasuk LAKU Management Sdn. Bhd. (Bintulu, Miri & Limbang), Lembaga Air Sibu, Lembaga Air Kuching dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak**
*Includes LAKU Management Sdn. Bhd. (Bintulu, Miri & Limbang), Sibu Water Board, Kuching Water Board and Sarawak Rural Water Supply Department (JBALB)*

[2]**Termasuk W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya**
*Includes W.P. Kuala Lumpur and W.P. Putrajaya*

[r]**Mulai 2016, pengeluaran air untuk Johor, Perlis dan Terengganu adalah termasuk pengendali swasta**
*Beginning of 2016, production of water for Johor, Perlis and Terengganu include private operator*

**Sumber: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara**
*Source: Ministry of Water, Land and Natural Resources and National Water Services Commission*

| J. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Jenama automotif di bawah Naza mula operasi hari ini**<br><br>Jenama automotif di bawah Kumpulan Naza kembali beroperasi susulan Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang membenarkan pengoperasian semula.<br><br>Pusat pameran dan jualan kenderaannya turut dibuka iaitu NZ Wheels Sdn Bhd (Mercedes-Benz), Pusat Servis Timur Laut KL dan Autohaus Johor Bahru. Pelanggan yang ingin mengunjungi pusat perkhidmatan diminta menghubungi cawangan berkenaan untuk membuat tempahan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2020/05/685106/jenama-automotif-di-bawah-naza-mula-operasi-hari-ini |
| 2. | **The Edge Market** | **Proton says it has obtained necessary approvals to restart ops tomorrow**<br><br>Proton Holdings Bhd (Proton) confirmed that it will be restarting its operations May 5 after received all necessary approvals from relevant authorities.<br><br>This applies to all its different corporate business units. Some showrooms and service centres will also open on the same day. However, outlets are first subject to state and local authority approval. | https://www.theedgemarkets.com/article/proton-says-it-has-obtained-necessary-approvals-restart-ops-tomorrow |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **The Edge Market** | **G3PNS sets up Facebook page for SMEs to sell products**<br><br>Sabah Coalition of Hawkers and Petty Traders Association (G3PNS) taken the initiative to launch the official E-Market & Bazaar Facebook page. This will allow micro SME entrepreneurs trading from home, markets and farmers markets to sell their products online.<br><br>More than 700 SME traders have registered on E-Market & Bazaar, while over 5,000 have registered with G3PNS from districts and sub-districts in Sabah. | https://www.theedgemarkets.com/article/g3pns-sets-facebook-page-smes-sell-products |
| 4. | **The Edge Market** | **COVID-19 impact on ops limited, palm oil demand set to continue, says Sime Darby Plantation**<br><br>The potential impact of COVID-19 on Sime Darby Plantation Bhd's business has been limited at this point of time.<br><br>The group forecasts palm oil demand to continue as it is an important and essential ingredient of food and non-food products even during times of crisis. | https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-impact-ops-limited-palm-oil-demand-set-continue-says-sime-darby-plantation |

Penemuan penting & isu:

1. Jenama automotif di bawah Kumpulan Naza kembali beroperasi susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang membenarkan pengoperasian semula. Pusat pameran dan jualan kenderaannya turut dibuka iaitu NZ Wheels Sdn Bhd (Mercedes-Benz), Pusat Servis Timur Laut KL dan Autohaus Johor Bahru.

2. Proton Holdings Bhd (Proton) akan memulakan operasi 5 Mei selepas mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa. Bilik pameran dan pusat servis juga akan dibuka tertakluk kebenaran pihak berkuasa tempatan dan negeri.
3. Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Negeri Sabah (G3PNS) melancarkan *E-Market & Bazaar* di Facebook untuk membantu usahawan mikro berniaga dari rumah dan petani memasarkan barangan secara atas talian. Lebih 700 peniaga Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) telah mendaftar di E-Market & Bazaar manakala lebih 5 ribu mendaftar dengan G3PNS dari seluruh Sabah.
4. Impak pandemik COVID-19 kepada perniagaan Sime Darby Plantation Bhd dilihat terkawal buat masa ini. Permintaan kepada minyak sawit diramal berterusan berikutan kepentingan dan keperluan sebagai bahan makanan dan produk bukan makanan walaupun dalam tempoh krisis.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2019:
   i) Jumlah keseluruhan jawatan diisi adalah sebanyak 8,464 ribu jawatan. Jawatan diisi tertinggi adalah di sektor Perkhidmatan dengan 4,440 ribu (52.5%) diikuti oleh Pembuatan dengan 2,174 ribu (25.6%). Sementara itu, Pertanian meliputi 459 ribu (5.4%) jawatan diisi.

2. Statistik pekerja bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut*:
   i) Pertanian: 1,857 ribu orang (12.2%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 70 ribu orang (0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,588 ribu orang (17.0%)
   iv) Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
   v) Perkhidmatan: 9,246 ribu orang (60.6%)

3. Perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah seperti berikut:

| Saiz | Bil. Pertubuhan | Bil. Pekerja | Gaji & Upah (RM Juta) |
|---|---:|---:|---:|
| Mikro | 693,670 | 1,937,557 | 25,495 |
| Kecil | 192,783 | 2,351,712 | 61,533 |
| Sederhana | 20,612 | 1,363,291 | 41,430 |
| Besar | 13,559 | 3,079,678 | 117,238 |
| **Jumlah** | **920,624** | **8,732,238** | **245,696** |

| Peratus Sumbangan | | | |
|---|---|---|---|
| **Saiz** | **Bil. Pertubuhan** | **Bil. Pekerja** | **Gaji & Upah (RM Juta)** |
| Mikro | 75.3% | 22.2% | 10.4% |
| Kecil | 20.9% | 26.9% | 25.0% |
| Sederhana | 2.2% | 15.6% | 16.9% |
| Besar | 1.5% | 35.3% | 47.7% |
| **Jumlah** | **100.0%** | **100.0%** | **100.0%** |

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

## Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri

KES POSITIF MENGIKUT NEGERI (setakat 4/5/2020,12 PM)




## Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Tabur Kes COVID-19 Mengikut Negara

# CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

| Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide | Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide | Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide | Negara yang terlibat: No. of countries involved: | Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia |
|---|---|---|---|---|
| 3,508,621 | 247,531 (7.05%) | 1,128,252 (32.16%) | 186 | 4,484 (70.58%) |

| Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* | Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* | Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Amerika Syarikat | 1,158,041 | 67,682 | Republik Dominika | 7,954 | 333 | Lithuania | 1,419 | 46 |
| Sepanyol | 217,466 | 25,264 | Norway | 7,847 | 212 | Slovakia | 1,408 | 24 |
| Itali | 210,717 | 28,884 | Czechia | 7,781 | 249 | Ivory Coast | 1,398 | 17 |
| United Kingdom | 187,842 | 28,520 | Colombia | 7,668 | 340 | Senegal | 1,182 | 9 |
| Perancis | 168,925 | 24,900 | Panama | 7,197 | 200 | Djibouti | 1,112 | 2 |
| Jerman | 165,664 | 6,866 | Australia | 6,823 | 96 | Honduras | 1,055 | 82 |
| Rusia | 134,687 | 1,280 | Afrika Selatan | 6,783 | 131 | Tunisia | 1,013 | 42 |
| Turki | 126,045 | 3,397 | Mesir | 6,465 | 429 | Latvia | 896 | 16 |
| Brazil | 101,826 | 7,051 | Malaysia | 6,353 | 105 | Cyprus | 872 | 15 |
| Iran | 97,424 | 6,203 | Finland | 5,254 | 230 | Kosovo | 851 | 22 |
| China | 83,964 | 4,637 | Kuwait | 4,983 | 38 | Kyrgyzstan | 830 | 10 |
| Kanada | 60,504 | 3,795 | Maghribi | 4,903 | 174 | Albania | 795 | 31 |
| Belgium | 49,906 | 7,844 | Argentina | 4,783 | 246 | Niger | 750 | 36 |
| Peru | 45,928 | 1,286 | Algeria | 4,474 | 463 | Andorra | 748 | 45 |
| India | 42,670 | 1,395 | Moldova | 4,121 | 125 | Costa Rica | 739 | 6 |
| Belanda | 40,769 | 5,072 | Kazakhstan | 3,964 | 27 | Lubnan | 737 | 25 |
| Switzerland | 29,905 | 1,762 | Luxembourg | 3,824 | 96 | Somalia | 722 | 32 |
| Ecuador | 29,538 | 1,564 | Bahrain | 3,383 | 8 | Sri Lanka | 718 | 7 |
| Arab Saudi | 27,011 | 184 | Hungary | 3,035 | 351 | Guatemala | 703 | 17 |
| Portugal | 25,282 | 1,043 | Thailand | 2,987 | 54 | Congo (Kinshasa) | 682 | 34 |
| Mexico | 23,471 | 2,154 | Afghanistan | 2,704 | 85 | Sudan | 678 | 41 |
| Sweden | 22,317 | 2,679 | Yunani | 2,626 | 144 | Burkina Faso | 662 | 45 |
| Ireland | 21,506 | 1,303 | Oman | 2,568 | 12 | Uruguay | 655 | 17 |
| Pakistan | 20,186 | 462 | Nigeria | 2,558 | 87 | Georgia | 593 | 9 |
| Chile | 19,663 | 260 | Armenia | 2,507 | 39 | San Marino | 582 | 41 |
| Singapura | 18,778 | 18 | Iraq | 2,296 | 97 | Mali | 563 | 27 |
| Belarus | 16,705 | 99 | Ghana | 2,169 | 18 | El Salvador | 555 | 12 |
| Israel | 16,208 | 232 | Uzbekistan | 2,160 | 10 | Maldives | 527 | 1 |
| Austria | 15,597 | 598 | Croatia | 2,096 | 79 | Tanzania | 480 | 16 |
| Qatar | 15,551 | 12 | Cameroon | 2,077 | 64 | Malta | 477 | 4 |
| Jepun | 14,877 | 487 | Azerbaijan | 1,932 | 25 | Jamaica | 469 | 9 |
| UAE | 14,163 | 126 | Bosnia Herzegovina | 1,857 | 77 | Kenya | 465 | 24 |
| Poland | 13,693 | 678 | Iceland | 1,799 | 10 | Jordan | 461 | 9 |
| Romania | 13,163 | 803 | Estonia | 1,700 | 55 | Taiwan | 436 | 6 |
| Ukraine | 12,331 | 303 | Cuba | 1,649 | 67 | Paraguay | 396 | 10 |
| Indonesia | 11,192 | 845 | Bulgaria | 1,632 | 74 | Venezuela | 357 | 10 |
| Korea Selatan | 10,801 | 252 | Bolivia | 1,594 | 76 | Palestin | 353 | 2 |
| Denmark | 9,721 | 484 | Guinea | 1,586 | 7 | Gabon | 335 | 5 |
| Serbia | 9,464 | 193 | Makedonia Utara | 1,511 | 84 | Mauritius | 332 | 10 |
| Bangladesh | 9,455 | 177 | New Zealand | 1,487 | 20 | Montenegro | 322 | 8 |
| Filipina | 9,223 | 607 | Slovenia | 1,439 | 96 | Equatorial Guinea | 315 | 1 |
| | | | | | | Lain-lain/ *Others* (Kapal persiaran) | 712 | 13 |

| Bilangan negara di bawah 300 kes: Countries with 300 cases and below: | (1-100) | (101-200) | (201-300) |
|---|---|---|---|
| | 45 | 14 | 4 |

(Dikemaskini pada 4 Mei 2020)
*(Updated at 4 May 2020)*

*Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO*

UKK MOH